

15 JAN 2001  
Sarawak-Bank  
S'WAK KECEWA TAK DAPAT BANK TERAJU

Oleh: Azman Ujang

KUCHING, 15 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Sarawak kecewa kerana tidak mendapat sebuah bank teraju ekoran penggabungan bank-bank komersil walaupun negeri itu mempunyai sejarah memiliki beberapa bank sendiri.

Walaupun kecewa, katanya, beliau tidak menggunakan pengaruhnya untuk cuba mendapatkan sebuah bank teraju untuk Sarawak kerana beliau menghormati dasar-dasar nasional.

"Banyak pihak kecewa tetapi seperti orang lain, saya akur kepada dasar nasional," katanya dalam satu temu bual di pejabatnya.

Beliau diminta mengulas langkah penggabungan itu yang sepatutnya diselesaikan penghujung tahun lepas dan mengenai pembatalan penggabungan antara Bank Utama iaitu sebuah bank milik Sarawak, dan kumpulan Arab-Malaysian Bank.

Bank Utama dan Arab-Malaysian membatalkan hasrat untuk bergabung kerana tidak mencapai persetujuan mengenai soal pegangan. Bank Utama kini menimbang bergabung dengan EON Bank.

Ketika ditanya kenapa beliau tidak menggunakan pengaruhnya dengan kerajaan pusat untuk mendapatkan sebuah bank teraju untuk Sarawak, Taib berkata : "Ini adalah dasar nasional. Jika ia berjaya, ia berjaya (tetapi) jika ia tidak berjaya, terpulang kepada kerajaan mencari dasar pilihan.

"Saya tidak meminta sebuah bank teraju. Jika saya meminta bank teraju, saya akan melakukannya dan adakah anda fikir saya tidak akan mendapatkannya."

Beliau berkata terpulang kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin atau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan mengenainya.

"Dan saya akan menghormati keputusan mereka," katanya.

Taib berkata beliau sedar banyak pihak di Sarawak berharap beliau akan cuba mendapatkan apa yang disifatkan dalam ura-ura di pasaran sebagai bank teraju ke-11, yang merupakan tambahan kepada 10 bank teraju yang diputuskan dalam gerakan penggabungan itu.

"Saya faham mengenai falsafah (penggabungan ini). Jika ia berjaya, saya perlu berdiam diri," katanya.

Mengenai kegagalan penggabungan Bank Utama, cawangan perbankan syarikat tersenarai Cahya Mata Sarawak Berhad (CMSB), Taib berkata: "Begitulah pendapat komersil, mereka memilih apa yang baik dan membuat tawaran atau bersetuju tentang sesuatu perkara, tetapi (Bank Utama) membuat keputusan untuk tidak meneruskannya. Kita (kerajaan negeri) tidak kisah. Saya tidak campur tangan sebagai ketua menteri."

Mengenai pelantikan Yang Dipertua Negeri yang baru bagi menggantikan Tun Ahmad Zaidi Mohammed Noor yang meninggal dunia pada 5 Dis, Taib berkata beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri.

Katanya pelantikan itu dijangka dibuat selepas tamat tempoh berkabung selama 40 hari (hari ini).

"Itu cara biasa. Kita tidak melantik sehingga selesai berkabung selama 40 hari. Itu satu tradisi," katanya.

Ketika ditanya kenapa bekas Yang Dipertua Negeri Tun Mohamed Salahuddin dan bukannya tokoh lain dilantik sebagai pemangku, Taib berkata jika orang lain dilantik, orang itu perlu mengosongkan apa juga jawatan yang dipegangnya termasuk sebagai pengarah dalam syarikat.

-- BERNAMA

AU AU MAI